

## Maidam benar majikan galak staf beri zakat

**KUALA TERENGGANU** — Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (Maidam) kini membenarkan majikan yang mempunyai kakitangan aktif menunaikan zakat harta melebihi RM20,000 setahun untuk memohon untuk menyerahkan sendiri sebahagian zakat tersebut kepada asnaf.

Yang Dipertua Maidam, Datuk Shaikh Harun Shaikh Ismail berkata, inisiatif itu bagi menggalakkan lebih ramai majikan di negeri ini memudahkan pekerja-jaya untuk mengeluarkan zakat seperti melakukan pemotongan gaji.

"Majikan tersebut boleh memohon mengagihkan sendiri 25 peratus zakat yang telah dilunaskan kepada Maidam itu untuk diserah kepada golongan asnaf termasuk dalam kalangan pekerja mereka sendiri.

"Ia pendekatan baharu tahun ini kerana sebelum ini permohonan wakalah terbaik hanya dibenarkan kepada pihak syarikat, individu dan organisasi," katanya di sini semalam.

Terdahulu beliau ditemui se-

lepas menerima zakat perniagaan berjumlah hampir RM3.5 juta daripada 11 syarikat korporat.

Dalam pada itu, Shaikh Harun berkata, Maidam telah menerima RM113 juta pungutan zakat dalam lima bulan pertama tahun ini.

Tambah beliau, ia perkembangan memberangsangkan kerana kutipan itu merangkumi kira-kira 43 peratus daripada sasaran asal iaitu RM260 juta sehingga akhir tahun ini.

"Kita menyasar untuk mengutip RM260 juta zakat harta dan perniagaan pada tahun ini iaitu peningkatan 12 peratus berbanding RM228 juta pada tahun lalu.

"Setakat ini kita telah berjaya pungut RM113 juta. Kita juga tidak menunggu lama untuk melakukan pengagihan sebahagian besar kutipan itu," katanya.

Shaikh Harun menjelaskan, buat masa ini, RM109 juta daripada RM113 juta tersebut sudah selesai diagihkan kepada asnaf berkelayakan khususnya fakir miskin.



**SHAIKH HARUN** (dua dari kanan) menerima zakat perniagaan daripada wakil badan korporat di Kuala Terengganu semalam.